



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2009

PANDUAN PELAKSANAAN KAEDAH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN BAGI PEGAWAI DALAM TEMPOH PERCUBAAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan kaedah Pergerakan Gaji Tahunan bagi pegawai dalam tempoh percubaan termasuk pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda atau tanpa denda.

DEFINISI

2. Dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Ketua Jabatan” bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah agensi di peringkat ibu pejabat iaitu termasuk Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah,

Ketua Perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk menjalankan fungsi sebagai Ketua Jabatan;

“Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda” bermaksud tempoh percubaan seseorang pegawai yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya dengan dikenakan denda kerana kegagalan disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan asal yang ditetapkan disebabkan oleh kecuaian dan kelemahan pegawai;

“Pelanjutan tempoh percubaan tanpa denda” bermaksud tempoh percubaan seseorang pegawai yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya tanpa dikenakan denda kerana kegagalan disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan asal yang ditetapkan **bukan** disebabkan oleh kecuaian atau kelemahan pegawai;

“Suruhanjaya” bermaksud Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Tempoh percubaan” bermaksud satu tempoh yang ditetapkan di dalam sesuatu skim perkhidmatan untuk menilai kebolehan dan kesesuaian pegawai yang dilantik sebelum layak disahkan dalam perkhidmatannya.

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (PP 4/2002) - Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia dan Peraturan 26 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam

(Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005] menetapkan setiap pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki melalui tempoh percubaan antara satu (1) hingga tiga (3) tahun. Pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan tersebut boleh dipertimbangkan pelanjutan tempoh percubaan oleh Suruhanjaya sama ada dengan denda atau tanpa denda tidak melebihi dua (2) tahun kecuali dalam keadaan khas yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

4. Pada masa ini, pegawai dalam tempoh percubaan layak dipertimbangkan Pergerakan Gaji Biasa (PGB). Sementara itu, kaedah penetapan pergerakan gaji pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda atau tanpa denda dilaksanakan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1995 (SPP 1/1995) – Penjelasan Mengenai Pergerakan Gaji Pegawai Di Bawah Sistem Saraan Baru. Sehubungan itu, didapati wujud keperluan untuk mengemas kini dan menjelaskan semula kaedah sedia ada supaya urusan penetapan pergerakan gaji bagi pegawai dalam tempoh percubaan termasuk yang diberi pelanjutan tempoh percubaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur selaras dengan dasar yang sedang berkuat kuasa.

KESAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda akan mengalami kesan ke atas perkhidmatan dari segi kekananan, Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) dan Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) selaras dengan Peraturan 30, P.U.(A) 176/2005 seperti berikut:

- (a) hilang kekananan bagi tempoh yang sama dengan tempoh pelanjutan tersebut;

- (b) tidak layak mendapat PGT semasa pelanjutan tempoh percubaan dengan denda; dan
 - (c) TPG berubah mengikut tarikh kuat kuasa pengesahan dalam perkhidmatan pegawai.
6. Sementara itu, bagi pegawai yang diluluskan pelanjutan tempoh percubaan tanpa denda, pelanjutan tersebut tidak memberi kesan dari segi kekananan, PGT dan TPG pegawai.

PRINSIP PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DALAM TEMPOH PERCUBAAN

7. Penetapan PGT bagi pegawai dalam tempoh percubaan adalah mengikut prinsip seperti berikut:-

- (a) pegawai yang berada dalam tempoh percubaan **layak** dipertimbangkan PGB sebanyak tiga (3) kali semasa dalam tempoh percubaan asal tertakluk kepada syarat mencapai prestasi yang memuaskan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan pada tahun penilaian prestasi. Kaedah ini juga terpakai kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan sebelum genap tiga (3) tahun tempoh percubaan dan lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dengan Aras IV di mana pegawai layak dipertimbangkan Anjakan Gaji. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**;

- (b) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan tanpa denda **layak** dipertimbangkan PGB pada TPG asal mengikut keputusan PPSM. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran B**;
- (c) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda **tidak layak** diberi PGT dalam pelanjutan tempoh percubaan dengan denda tersebut. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran C**. Walau bagaimanapun, pegawai dalam keadaan berikut boleh dipertimbangkan PGT sebelum atau pada tempoh percubaan pegawai dilanjutkan dengan denda iaitu:
- (i) pegawai yang TPG tahunannya adalah sama dengan tarikh pelanjutan tempoh percubaan dengan denda tetapi belum mendapat PGT kali ketiga dalam tempoh percubaan asalnya. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran C1**;
- (ii) pegawai belum memperoleh pergerakan gaji kali ketiga dalam tempoh percubaan asalnya. Antaranya, disebabkan PPSM belum memutuskan pergerakan gaji pada tarikh pelanjutan tempoh percubaan. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran C2**;
- (d) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda, TPG asal berubah kepada TPG baru berdasarkan tarikh pengesahan dalam perkhidmatan dan diberi pada tahun berikutnya. Contoh penentuan pergerakan gaji dan TPG adalah seperti di **Lampiran D**. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang disahkan dalam perkhidmatan

sebelum melepassi TPG berikutnya, **TPG pegawai sepatutnya berubah pada tahun berikutnya namun ia kekal mengikut TPG asal**. Namun, pegawai masih hilang kekanan bagi tempoh pelanjutan tersebut sebagai implikasi ke atas perkhidmatan. Contoh penentuan pergerakan gaji dan TPG adalah seperti di **Lampiran D1**; dan

- (e) pegawai yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda, **layak dipertimbangkan** salah satu cara pergerakan gaji sama ada PGB atau Anjakan Gaji mengikut keputusan PPSM setelah disahkan dalam perkhidmatan. Contoh pergerakan gaji pegawai berkenaan adalah seperti di **Lampiran E**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.


PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1995 (SPP 1/1995) – Penjelasan Mengenai Pergerakan Gaji Pegawai Di Bawah Sistem Saraan Baru adalah dibatalkan kecuali bagi pegawai yang kekal dalam Sistem Saraan Baru.

TARIKH KUAT KUASA

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

19 JUN 2009

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN BAGI PEGAWAI DALAM TEMPOH PERCUBAAN DAN TELAH LULUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN SEBELUM GENAP TIGA (3) TAHUN TEMPOH PERCUBAAN

Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Pertanian Gred G27

Tarikh Lantikan : 14 Mei 2004

TPG Asal : 1 April

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
14.5.2004	1231.05 (P1T6)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (14.5.2004 – 13.5.2007).
1.4.2005	1284.29 (P1T7)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.2006	1337.53 (P1T8)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.6.2006	1337.53 (P1T8)	Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
4.11.2006	1337.53 (P1T8)	Pegawai menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan lulus Aras IV.
1.4.2007	1390.77 (P1T9)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM. Hanya PGB dipertimbangkan kerana pegawai

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
		belum memenuhi syarat 3 tahun perkhidmatan (belum menerima 3 kali PGB).
1.7.2007	1738.46 (P1T9)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.4.2008	1901.86 (P2T10)	PGT keempat. Layak dipertimbangkan Anjakan Gaji mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN BAGI PEGAWAI
DALAM TEMPOH PERCUBAAN DAN TELAH LULUS PENILAIAN
TAHAP KECEKAPAN SEBELUM GENAP TIGA (3) TAHUN TEMPOH
PERCUBAAN**

	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	
	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	
P1	...	1231.05	1284.29	1337.53	1390.77	1805.01	1871.56	1938.11
P2	...	1298.81	1354.47	1410.13	1465.79	1901.86	1971.44	2041.02
P3	...	1368.99	1427.07	1485.15	1543.23	2001.64	2074.24	2146.84

Catatan:

Nota : Gaji mulai tahun 2008-2010 berdasarkan PP 7/2007

→ * Pergerakan Gaji Biasa

→ ** Anjakan Gaji

LAMPIRAN B

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI DALAM PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN TANPA DENDA

Skim Perkhidmatan : Pembantu Makmal Gred C17

Tarikh Lantikan : 10 Mac 2005

TPG Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
10.3.2005	659.93 (P1T1)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (10.3.2005 – 9.3.2008).
1.1.2006	699.86 (P1T2)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.1.2007	739.79 (P1T3)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.2007	924.73 (P1T3)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.1.2008	974.64 (P1T4)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
10.3.2008	974.64 (P1T4)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama tanpa denda selama 1 tahun (10.3.2008 – 9.3.2009) oleh Suruhanjaya.
1.1.2009	1024.55 (P1T5)	PGT keempat. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai dilanjutkan tempoh percubaan tanpa denda.
17.2.2009	1024.55 (P1T5)	Pegawai disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
1.1.2010	1074.46 (P1T6)	PGT kelima. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

LAMPIRAN C

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI DALAM PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN DENDA

Skim Perkhidmatan : Pembantu Teknik Gred J29

Tarikh Lantikan : 1 November 2004

TPG Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.11.2004	1292.76 (P1T2)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (1.11.2004 – 31.10.2007).
1.10.2005	1346.00 (P1T3)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.10.2006	1399.24 (P1T4)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.2007	1749.05 (P1T4)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.10.2007	1815.60 (P1T5)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.11.2007	1815.60 (P1T5)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama 1 tahun (1.11.2007 – 31.10.2008) oleh Suruhanjaya.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.10.2008	1815.60 (P1T5)	Tiada PGT kerana masih dalam tempoh percubaan dengan denda.
31.10.2008	1815.60 (P1T5)	Tamat tempoh pelanjutan kali pertama dengan denda .
1.11.2008	1815.60 (P1T5)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali kedua dengan denda selama 1 tahun (1.11.2008 – 31.10.2009) oleh Suruhanjaya.
23.1.2009	1815.60 (P1T5)	Pegawai disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
1.10.2009	1815.60 (P1T5)	Tiada PGT kerana TPG berubah kepada 1 Januari tahun berikutnya kerana disahkan dalam perkhidmatan pada 23.1.2009.
1.1.2010	1882.15 (P1T6)	PGT keempat. TPG berubah mengikut tarikh pengesahan dalam perkhidmatan.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN C1

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI DALAM PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN DENDA

(Tarikh pelantikan sama dengan TPG)

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17

Tarikh Lantikan : 1 April 2003

TPG Asal : 1 April

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.4.2003	657.51 (P1T1)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (1.4.2003 – 31.3.2006).
1.4.2004	697.44 (P1T2)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.2005	737.37 (P1T3)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.4.2006	737.37 (P1T3)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama 1 tahun (1.4.2006 – 31.3.2007) oleh Suruhanjaya.
1.4.2006	777.30 (P1T4)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM walaupun TPG sama dengan tarikh kuat kuasa pelanjutan tempoh percubaan disebabkan pegawai belum menerima 3 kali PGB dalam tempoh percubaan.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
12.7.2006	777.30 (P1T4)	Pegawai disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
1.7.2007	971.62 (P1T4)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
	1021.53 (P1T5)	PGT keempat. TPG berubah mengikut tarikh pengesahan dalam perkhidmatan.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN C2

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI DALAM PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN DENDA

(Pegawai belum memperoleh pergerakan gaji kali ketiga dalam tempoh percubaan asalnya kerana PPSM belum bersidang)

Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Tadbir Gred N27

Tarikh Lantikan : 1 Mac 2005

TPG Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.3.2005	1176.60 (P1T5)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (1.3.2005 – 28.2.2008)
1.1.2006	1229.84 (P1T6)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM. PGB ini diberi kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.1.2007	1283.08 (P1T7)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.2007	1603.85 (P1T7)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.1.2008	1603.85 (P1T7)	PGT ketiga. Belum diberi PGT kerana PPSM belum bersidang.
1.3.2008	1603.85 (P1T7)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama 1 tahun (1.3.2008 – 28.2.2009) oleh Suruhanjaya.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
15.3.2008	1603.85 (P1T7)	PPSM bersidang dan memutuskan PGB kepada pegawai bagi tahun 2008.
	1670.40 (P1T8)	Gaji pegawai diselaraskan pada TPG asal, 1.1.2008 (PGT ketiga).
1.1.2009	1670.40 (P1T8)	Tidak diberi PGT keempat kerana pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda (1.3.2008 – 28.2.2009).
1.2.2009	1670.40 (P1T8)	Pegawai disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
1.1.2010	1736.95 (P1T9)	PGT keempat. TPG baru pegawai setelah disahkan dalam perkhidmatan.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN D

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN SETELAH DILANJUTKAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN DENDA

(TPG baru berubah mengikut tarikh pengesahan dalam perkhidmatan)

Skim Perkhidmatan : Pegawai Belia dan Sukan Gred S41

Tarikh Lantikan : 15 September 2004

TPG Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
15.9.2004	1625.90 (P1T3)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (15.9.2004 – 14.9.2007).
1.7.2005	1704.55 (P1T4)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.2006	1783.20 (P1T5)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.7.2007	2050.69 (P1T5)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.7.2007	2141.14 (P1T6)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
15.9.2007	2141.14 (P1T6)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama 1 tahun (15.9.2007 – 14.9.2008) oleh Suruhanjaya.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
28. 2.2008	2141.14 (P1T6)	Disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan. TPG baru berubah pada 1 Januari tahun berikutnya mengikut tarikh pengesahan dalam perkhidmatan bagi tempoh percubaan yang dilanjutkan dengan denda.
1.7.2008	2141.14 (P1T6)	Tiada PGT kerana TPG telah berubah kepada 1 Januari.
1.1.2009	2231.59 (P1T7)	PGT keempat. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM.
1.1.2010	2322.04 (P1T8)	PGT kelima. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN D1**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN
DALAM PERKHIDMATAN SETELAH DILANJUTKAN TEMPOH
PERCUBAAN DENGAN DENDA****(TPG sama dengan TPG asal)**

Skim Perkhidmatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41

Tarikh Lantikan : 16 Disember 2006

TPG Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
16.12.2006	1811.03 (P1T3)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (16.12.2006 – 15.12.2009).
1.7.2007	2082.69 (P1T3)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.
1.10.2007	2174.53 (P1T4)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.10.2008	2266.37 (P1T5)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.10.2009	2358.21 (P1T6)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
16.12.2009	2358.21 (P1T6)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama setahun (16.12.2009 – 15.12.2010) oleh Suruhanjaya.
28.12.2009	2358.21 (P1T6)	<p>Disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan.</p> <p>PGT pegawai diberi pada tahun berikutnya.</p> <p>TPG pegawai ‘berubah’ mengikut tarikh kuat kuasa pengesahan dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, memandangkan pengesahan dalam perkhidmatan berlaku dalam tempoh antara 1.10.2009 – 31.12.2009, maka PGT pegawai diberi pada 1 Oktober tahun berikutnya mengikut struktur penetapan TPG yang berkuat kuasa.</p>
1.10.2010	2450.05 (P1T7)	PGT keempat. TPG baru pegawai selepas disahkan dalam perkhidmatan. Layak dipertimbangkan salah satu cara pergerakan gaji mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan

LAMPIRAN E

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN SETELAH DILANJUTKAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN DENDA

Skim Perkhidmatan : Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41

Tarikh Lantikan : 1 Mac 2004

TPG Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.3.2004	1629.53 (P1T3)	Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun (1.3.2004 – 28.2.2007).
1.1.2005	1708.18 (P1T4)	PGT pertama. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.1.2006	1786.83 (P1T5)	PGT kedua. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.1.2007	1865.48 (P1T6)	PGT ketiga. Layak dipertimbangkan PGB mengikut keputusan PPSM kerana pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan.
1.3.2007	1865.48 (P1T6)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali pertama dengan denda selama 1 tahun (1.3.2007 – 29.2.2008) oleh Suruhanjaya.
1.7.2007	2145.31 (P1T6)	Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan di bawah PP 7/2007.

Tarikh	Gaji SSM (RM)	Catatan
1.3.2008	2145.31 (P1T6)	Pegawai dilanjutkan tempoh percubaan kali kedua dengan denda selama 1 tahun (1.3.2008 – 28.2.2009) oleh Suruhanjaya.
15.5.2008	2145.31 (P1T6)	Disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan. TPG berubah kepada 1 April tahun berikutnya.
1.9.2008	2145.31 (P1T6)	Pegawai menduduki PTK dan lulus Aras IV.
1.4.2009	2355.40 (P2T7)	PGT keempat. Layak dipertimbangkan Anjakan Gaji mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

PGB : Pergerakan Gaji Biasa

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN
DALAM PERKHIDMATAN SETELAH DILANJUTKAN TEMPOH
PERCUBAAN DENGAN DENDA**

	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
	T3	→ ^{*1}	T4	→ ^{*2}	T5	→ ^{*3}	T6
P1	...	1629.53	1708.18	1786.83	2145.31	2145.31	2235.76
P2	...	1719.07	1801.35	1883.63	2260.78	2260.78	2355.40
P3	...	1812.24	1898.15	1984.06	2380.48	2380.48	2479.28
							2578.08
							...

Catatan:

Nota : Gaji mulai tahun 2007-2010 berdasarkan PP 7/2007

- * Pergerakan Gaji Biasa
- ** Tiada Pergerakan Gaji Tahunan
- *** Anjakan Gaji